Wan Masrul Faizie bin Wan Mustapha lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-06A(M)-25–09 TAHUN 2018
HAMID SULTAN, RHODZARIAH BUJANG DAN HADHARIAH SYED ISMAIL HHMR
17 MAC 2020

Undang-Undang Jenayah — Kanun Kesekaan — Seksyen 302 — Bunuh — Motif — Sama ada motif adalah penting dalam kes yang melibatkan keterangan mengikut keadaan — Kanun Keseksaan s 302

Undang-Undang Jenayah — Kanun Kesekaan — Seksyen 302 — Bunuh — Alibi — Kegagalan untuk mengemukakan notis alibi — Keterangan mengikut keadaan — Sama ada menunjukan bahawa perayu telah membunuh si mati — Kanun Keseksaan s 302

Ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang mensabitkan perayu atas kesalahan bunuh dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Fakta kes ini adalah bahawa si mati telah ditemui oleh SP1 yang ternampak si mati bersama satu beg sandang yang berdekatan si mati. Pasukan forensik telah menemui dua kelongsong peluru dan satu beg sandang yang mengandungi surat bayaran hutang antara si mati dan perayu. Punca kematian si mati adalah kesan tembakan pistol di kepala. Beberapa jam selepas penemuan mayat si mati, perayu telah ditangkap di *safe house* Unit Tindakan Khas di kawasan berhampiran tempat kejadian. Analisa telah dijalankan pada pistol milik perayu, *swab* yang diambil dari tangan perayu, pakaian perayu, pakaian milik si mati dan sampel tanah daripada motosikal milik perayu. Hasil analisa SP8, mengesahkan bahawa: (a) sampel tanah yang diambil dari motosikal milik perayu adalah sepadan dengan sampel tanah yang diambil ditempat kejadian; dan (b) kelongsong peluru yang dijumpai ditempat kejadian adalah berpadanan dengan karekteristik peluru yang ditembak keluar dari pistol perayu. Sewaktu kes pembelaan hanya perayu yang memberikan keterangan, inti pati pembelaan perayu adalah bahawa: (i) beliau tiada motif untuk membunuh si mati; (ii) beliau tidak ada ditempat kejadian pada tarikh dan waktu kejadian; dan (iii) beliau tidak menembak si mati. Isu yang dibangkitkan dalam kes ini adalah sama ada motif adalah penting dalam satu kes yang keterangannya adalah mengikut keadaan.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi:

(1) Motif adalah berkaitan dengan perasaan marah atau tidak puas hati.

Perayu nampaknya mempunyai masalah kewangan kerana beliau juga meminjam dari koperasi dan bank. Maka, bayaran balik pinjaman sebanyak dua kali ganda itu tidak boleh dinafikan adalah suatu bebanan kewangan yang telah memberikan tekanan perasaan kepada perayu yang berkemungkinan besar telah menyebabkan perayu marah dan tidak puas hati dengan si mati. Oleh itu, mahkamah berpendapat hakim bicara tidak terkhilaf bila memutuskan motif perayu membunuh si mati ialah kerana tidak puas hati beliau terpaksa membayar balik hutang sebanyak dua kali ganda. Walaupun perayu menafikan, tetapi perasaan tidak puas hati perayu itu tidak boleh diketepikan (lihat perengan 18).

(2) Perayu tidak menyerahkan notis alibi kepada pendakwaan. Pembelaan tidak memberikan penjelasan atas kegagalan menyerahkan notis alibi. Atas kegagalan memberikan notis alibi, hakim bicara memutuskan perayu gagal membuktikan beliau tidak berada di tempat kejadian. Mahkamah mendapati tidak ada apa-apa kekhilafan di dalam keputusan hakim bicara mengenai isu alibi. Tanpa ada notis alibi, pembelaan perayu hanyalah penafian semata-mata (lihat perengan 19).

(3) Terdapat cukup keterangan untuk mensabitkan perayu dengan pertuduhan. Perayu baru selesai bayar hutang yang tinggi dengan si mati; sampel tanah yang diambil dari motosikal perayu adalah sama dengan sampel tanah di tempat kejadian; dua kelongsong peluru yang dijumpai ditempat kejadian menyerupai karektoristik peluru yang dilepaskan daripada pistol perayu; perayu ada berjumpa si mati pada tarikh kejadian; perayu memiliki pistol pada tarikh dan masa kejadian; *swab* yang diambil dari muncung pistol perayu, *swab* dari tangan perayu dan dari pakaian perayu terdapat sisa serbuk senjata api. Kesemua keterangan ini bila disambungkan bersama menunjukkan perayu adalah satu-satunya orang yang membunuh si mati (lihat perengan 24).

[English summary

This was an appeal against the decision of the High Court which convicted the appellant for murder and sentenced him to death. The facts of this case was that the deceased was found by SP1 who saw the deceased together with a sling bag near the deceased. The forensics team had found two bullet casings and one sling bag which contained a letter of debt repayment between the deceased and the appellant. The cause of death was gunshot wounds to the head. Several hours after the body of the deceased was found, the appellant was arrested at the safe house of the Unit Tindakan Khas at an area nearby the crime scene. An analysis was conducted on the pistol belonging to the deceased, a swab was taken from the appellant's hand, clothes, the deceased's clothes and ground sample from the motorcycle which belonged to the appellant. Based on SP8's analysis, it confirmed that: (a) the sample of the ground taken from the motorcycle belonging to the appellant matches to that of the sample of the ground taken from the crime scene; and (b) the bullet casings which was found

at the crime scene was a match with the characteristics of the bullets which was shot from the pistol of the appellant. During the defence case, only the appellant gave evidence, the essence of the appellant's defence was that: (i) he had no motive to murder the deceased; (ii) he was not at the crime scene at the date and time of the crime; and (iii) he did not shoot the deceased. The issue that was raised in this case was whether motive was important in a case where the evidence was circumstantial.

Held, dismissing the appeal and affirming the sentence and conviction of the High Court:

(1) Motive was in relation to the anger or dissatisfaction. The appellant seems to have financial problems because he also borrowed from the cooperative and the bank. Therefore, the repayment of the loan which was double cannot be denied and was a financial burden which gave emotional distress to the appellant which was most likely to have caused anger and dissatisfaction against the deceased. Therefore, the court was of the view that the trial judge did not err when deciding that the motive of the appellant to murder the deceased due to his dissatisfaction that he had to repay double the debt. Eventhough the appellant denied it, but the dissatisfaction of the appellant cannot be dismissed (see para 18).

(2) The appellant did not serve any alibi notice to the prosecution. The defence did not give any explanation for his failure to serve the alibi notice. On the failure to give the alibi notice, the trial judge ruled that the appellant had failed to prove that he was not at the crime scene. The court finds that there was not error in the decision of the trial judge concerning the issue of alibi. Without the alibi notice, the appellant's defence was that of a bare denial (see para 19).

(3) There was sufficient evidence to convict the appellant with the charges. The appellant had just finished settling his debt at a high rate with the deceased; the ground sample taken from the motorcycle of the appellant was the same with the ground sample at the crime scene; the two bullet casings which was found near the crime scene has the same characteristics as the bullet which was discharged from the pistol of the appellant; the appellant had met the deceased on the date of the crime; the appellant owned a pistol on the date of and time of the crime; the swab taken from the muzzle of the appellant's pistol, the swab from the appellant's hand and clothes showed that there was gun powder residue. All of this evidence when put together shows that the appellant was the only person who could have murdered the deceased (see para 24).]

Kes-kes yang dirujuk

Chan Chwen Kong v PP [1962] 1 MLJ 307, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Tatacara Jenayah s 182A
Kanun Keseksaan s 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 468–1–07120141 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Anwar bin Ab Raof (Anwar Raof & Co) bagi pihak perayu.
Nurshafini bt Mustafha (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hadhariah Syed Ismail HMR:

PENGENALAN

[1] Perayu, Wan Masrul Faizie bin Wan Mustapha telah dituduh melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Thivakar a/l Thangavelu ('si mati'), suatu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Beliau telah disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati. Beliau merayu terhadap sabitan dan hukuman.

[2] Isu yang berbangkit ialah sama ada motif adalah penting dalam kes yang keterangannya adalah mengikut keadaan.

PERTUDUHAN

> Bahawa kamu pada 4 Februari 2014, antara jam lebih kurang 4.11 petang hingga 4.50 petang, bertempat di tepi Jalan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan, di dalam Daerah Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas THIVAKAR A/L THANGAVELU (KP:RF 133370) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

FAKTA

[3] Si mati ditemui oleh seorang orang awam bernama Margaret Rose Quiogue Subramaniam ('SP1') yang lalu di kawasan tempat kejadian dan telah ternampak si mati bersama sebuah motosikal dan juga satu beg sandang berdekatan si mati.

[4] SP1 telah menghubungi balai polis dan memaklumkan tentang penemuan tersebut. Panggilan SP1 telah diterima oleh L/Kpl Anipah bt Mohd Noh/r ('SP7'). SP7 mengarahkan anggota respond iaitu Konstabel Mohd Nazri (SP5) dan L/Kpl Farid ke tempat kejadian.

[5] Pasukan forensik yang tiba ditempat kejadian telah menjumpai dua kelongsong peluru dan satu beg sandang yang mengandungi surat bayaran hutang antara si mati dan perayu. **A**

[6] Punca kematian si mati disahkan sebagai kesan tembakan pistol di kepala. **B**

[7] Beberapa jam selepas penemuan mayat si mati, perayu telah ditangkap di *safe house* Unit Tindakan Khas di kawasan berhampiran tempat kejadian. **C**

[8] Setelah ditangkap, perayu telah dibawa ke rumahnya di Kuarters PDRM di alamat Blok Melodi 10, Jalan 29/56, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur. Di situ, pakaian perayu dan sampel tanah pada mudguard motosikal perayu telah diambil untuk dianalisa. **D**

[9] Pistol perayu juga telah dirampas semasa tangkapan dan telah dihantar untuk analisa oleh Jabatan Kimia Malaysia.

[10] Ahli Kimia, En Shaari bin Desa ('SP8') yang menjalankan analisa ballistik mengesahkan terdapat sisa serbuk senjata api pada: **E**

(a) *swab* yang diambil dari muncung pistol milik perayu;

(b) *swab* yang diambil dari tangan perayu;

(c) pakaian perayu; dan **F**

(d) pakaian milik si mati.

[11] Dari analisa yang dijalankan, SP8 juga mengesahkan sampel tanah yang diambil dari motosikal bernombor pendaftaran WWX 5703 milik perayu adalah sepadan dengan sampel tanah yang diambil dari tempat kejadian. **G**

[12] Hasil analisa yang dijalankan, SP8 mengesahkan bahawa kelongsong peluru yang dijumpai di tempat kejadian adalah berpadanan dengan karektoristik peluru yang ditembak keluar dari pistol perayu. **H**

[13] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara memutuskan pendakwaan gagal membuktikan suatu kes prima facie dan membebas dan melepaskan perayu. Atas rayuan oleh pihak pendakwaan, Mahkamah Rayuan memerintahkan supaya perayu dipanggil membela diri dan mengarahkan Mahkamah Tinggi mendengar pembelaan perayu. **I**

KES PEMBELAAN

[14] Hanya perayu seorang sahaja memberi keterangan. Fakta yang dikemukakan adalah seperti berikut:

(a) perayu mengenali si mati kerana mereka sama-sama bekerja sebagai anggota polis;

(b) pada bulan Disember 2012, perayu telah meminjam RM5,000 daripada si mati dengan si mati mengenakan syarat perayu membayar balik RM11,550 dalam masa setahun. Perayu bersetuju dengan syarat tersebut;

(c) perayu selesai membayar hutang kepada si mati pada bulan Januari 2014. Setelah perayu selesai membayar hutang, si mati dikatakan telah menghubungi perayu untuk menyerahkan surat akuan bahawa perayu telah selesai membayar hutang;

(d) pada 4 Februari 2014, jam lebih kurang 1 petang, perayu telah berjumpa dengan si mati di Bukit Aman. Si mati kemudiannya telah mengeluarkan surat akuan penyelesaian hutang bertarikh 4 Februari 2014 ('eksh P65') dan kedua-dua mereka sama-sama menandatangani eksh P65;

(e) selepas itu, perayu telah pergi ke *safe house* Cawangan Khas di Bukit Persekutuan. Kemudian, pada hari yang sama, jam lebih kurang 4.50 petang, perayu telah pergi ke stor senjata api di Bukit Aman untuk menyerahkan dua kelopak peluru dan 20 biji peluru yang telah diserahkan kepada beliau pada 21 Januari 2014. Beliau mengisytiharkan penyerahan dua kelopak peluru dan 20 biji peluru ini di buku daftar keluar dan masuk senjata ('eksh P59'). Selepas itu, perayu telah pulang ke rumahnya di Blok Melati 10, Jalan 29/56, AU Keramat, Wangsa Maju untuk berehat sementara menunggu tugasan daripada ibu pejabat;

(f) pada jam lebih kurang 10 malam, beliau telah dihubungi oleh ASP Budy Jurman bin Osman ('SP19') dan diminta untuk datang ke *safe house* di Bukit Persekutuan untuk satu taklimat operasi; dan

(g) apabila sampai dan berada di bilik mesyuarat, *safe house*, perayu telah ditahan untuk membantu siasatan kematian si mati.

[15] Secara ringkasnya, inti pati pembelaan perayu ialah:

(a) beliau tiada motif untuk membunuh si mati;

(b) beliau tidak berada di tempat kejadian pada tarikh dan waktu kejadian; dan

(c) beliau tidak menembak si mati.

ALASAN-ALASAN RAYUAN

[16] Dalam petisyen rayuan, perayu membangkitkan alasan-alasan berikut:

(a) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu;

(b) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal untuk menghargai pembelaan perayu;

(c) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menilai keseluruhan keterangan sepertimana dinyatakan di dalam s 182A Kanun Tatacara Jenayah;

(d) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal untuk menghargai keterangan saksi-saksi pendakwaan terutamanya keterangan SP8 yang menyokong pembelaan perayu;

(e) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat andaian bahawa motif di dalam kes ini mungkin disebabkan perayu terpaksa membayar RM11,500 bagi hutang sejumlah RM5,000 yang dua kali ganda yang diberikan oleh si mati;

(f) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal membezakan pembelaan alibi dan penafian semata-mata; dan

(g) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa analisa menunjukkan bahawa sampel tanah yang diambil dari kasut yang dipakai oleh perayu dan sampel tanah yang diambil dari tempat kejadian adalah berpadanan (*matched*).

Kesemua alasan di atas dirangkumkan oleh peguam perayu kepada tiga iaitu ketiadaan motif, pembelaan alibi dan kegagalan menilai keseluruhan keterangan.

MOTIF

[17] Peguam perayu menghujahkan pendakwaan gagal membuktikan perayu mempunyai motif untuk membunuh si mati kerana perayu telah selesai membayar hutang si mati melalui eksh P65. Mengenai isu motif, di dalam alasan penghakimannya di ms 20 rekod rayuan Jld 1, hakim bicara menyatakan:

> In a criminal prosecution, it is not incumbent upon the prosecution to prove the motive for the crime. However, when a case is based on circumstantial evidence, the motive behind a crime assume greater importance as it is an important strand of circumstantial evidence to impute the accused's guilt ...

A The motive in the instant case could have been the dissatisfaction that the accused had to pay RM11500 for a loan of RM5000 which was double the amount borrowed from the deceased. With a salary of RM1900 a month and to pay off the exorbitant amount would be insufficient for other expenses working on a tight budget. More so it was done by the deceased as a fellow colleague on the accused B without due regard to the fact that the deceased and the accused were in the Special Branch and had known each other although not close. This reason for the murder cannot be ruled out.

[18] Peguam perayu hanya berpegang kepada eksh P65 semata-mata untuk C menidakkan motif. Eksibit P65 itu hanya bertujuan untuk mengesahkan hutang telah diselesaikan. Suka atau pun tidak, perayu mesti selesaikan hutang. Motif adalah berkaitan dengan perasaan marah atau tidak puas hati. Bagi maksud perbandingan, pemberi pinjaman berlesen hanya boleh mengenakan faedah 18% setahun ke atas peminjam. Maknanya, bagi pinjaman RM5,000, D faedah 18% hanya berjumlah RM900. Maka, peminjam hanya perlu bayar balik RM5,900 dalam masa satu tahun. Sedangkan dalam kes ini, perayu kena bayar balik dua kali ganda jumlah yang dipinjam. Perbezaan antara RM11,500 dan RM5,900 adalah RM5,600. Perbezaan ini adalah tinggi. Pendapatan perayu pula tidaklah tinggi untuk membayar balik RM700 sebulan kepada si E mati. Dengan membayar RM700 sebulan juga, perayu tidak akan dapat menyelesaikan hutang dalam masa satu tahun. Perayu nampaknya mempunyai masaalah kewangan kerana beliau juga meminjam dari koperasi dan bank. Maka, bayaran balik pinjaman sebanyak dua kali ganda itu tidak boleh dinafikan adalah suatu bebanan kewangan yang telah memberikan tekanan F perasaan kepada perayu yang berkemungkinan besar telah menyebabkan perayu marah dan tidak puas hati dengan si mati. Oleh itu, kami berpendapat hakim bicara tidak terkhilaf bila memutuskan motif perayu membunuh si mati ialah kerana tidak puas hati beliau terpaksa membayar balik hutang sebanyak dua kali ganda. Walaupun perayu menafikan, tetapi perasaan tidak puas hati G perayu itu tidak boleh diketepikan.

PEMBELAAN ALIBI DAN PENAFIAN SEMATA-MATA

[19] Pembelaan perayu ialah beliau tidak berada di tempat kejadian antara H jam 4.11 hingga jam 4.50 petang. Tetapi, perayu tidak menyerahkan notis alibi kepada pendakwaan. Pembelaan tidak memberikan penjelasan atas kegagalan menyerahkan notis alibi. Atas kegagalan memberikan notis alibi, hakim bicara memutuskan perayu gagal membuktikan beliau tidak berada di tempat kejadian. Kami mendapati tidak ada apa-apa kekhilafan di dalam keputusan I hakim bicara mengenai isu alibi. Jika notis alibi diberikan, pendakwaan boleh membuat siasatan perayu berada di mana dan bersama siapa di antara jam 4.11 hingga 4.50 petang. Oleh kerana notis alibi tidak diberikan, adalah mudah untuk perayu menafikan beliau berjumpa dengan si mati pada waktu kejadian. Tanpa ada notis alibi, pembelaan perayu hanyalah penafian semata-mata.

SEKSYEN 182A KANUN TATACARA JENAYAH TIDAK DIPATUHI

[20] Peguam perayu menghujahkan hakim bicara gagal menilai keseluruhan keterangan yang menunjukkan bahawa bukan perayu yang menembak dan menyebabkan kematian si mati. Peguam bergantung kepada fakta-fakta berikut:

(a) terdapat percanggahan keterangan mengenai lokasi di mana dua kelongsong peluru yang dikaitkan dengan pistol perayu ditemui;

(b) SP8 mengakui ujian-ujian yang beliau jalankan adalah tidak konklusif untuk mengaitkan dua kelongsong peluru yang ditemui di tempat kejadian dengan pistol milik perayu;

(c) serbuk tembakan ('*gun shot residue* atau *GSR*') yang ditemui pada tangan perayu menunjukkan beliau hanya menyentuh senjata api dan bukannya menembak senjata api; dan

(d) jumlah peluru yang diserahkan dan diisytiharkan oleh perayu di stor senjata api pada 4 Februari 2014 adalah sama dengan jumlah peluru yang diserahkan kepada beliau pada 21 Januari 2014 iaitu 20 butir. Fakta ini menunjukkan perayu tidak pernah melepaskan apa-apa tembakan.

[21] Mengenai isu tembakan, hakim bicara menyatakan di ms 24 rekod rayuan Jld 1:

> As to the defence that it was not the accused who had caused the gunshot wound to the head, the learned counsel seems to rely on the fact that the evidence of SP8 admitted that the ballistic test conducted on the spent bullet castings was not conclusive to impute that the two spent bullet castings found at the scene of crime came from the accused's pistol.
>
> The same witness SP8 nevertheless also said that the gunshot residue analysed came from the barrel of the pistol belonging to the accused.
>
> SP20 in his analysis of the 2 spent bullet castings marked as ER2 and ER3 found at the scene of crime have the same characteristics of bullet discharged from the pistol belonging to the accused marked ER6.
>
> The court accepted the evidence of all the prosecution witnesses as credible and believable. There are no material discrepancies if any between SP8 and SP20.

[22] Adalah undang-undang mantap bahawa penemuan fakta hakim bicara mengenai kredibiliti saksi tidak boleh dikacau ganggu oleh mahkamah yang menjalankan bidangkuasa rayuan kerana hakim bicara yang mendengar dan melihat saksi-saksi pendakwaan memberi keterangan. Dengan menerima keterangan SP8 dan SP20, hakim bicara menerima sebagai suatu fakta bahawa dua kelongsong peluru yang dijumpai di tempat kejadian telah dilepaskan dari pistol perayu.

[23] Dalam kes *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307, mahkamah menyatakan:

> It has been held, inter alia, that 'It must, however be borne in mind that in cases like this where the evidence is wholly circumstantial, what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is: is the rope strong enough to hang the prisoner'.

[24] Dalam kes di hadapan kami, terdapat cukup keterangan untuk mensabitkan perayu dengan pertuduhan. Perayu baru selesai bayar hutang yang tinggi dengan si mati, sampel tanah yang diambil dari motosikal perayu adalah sama dengan sampel tanah di tempat kejadian; dua kelongsong peluru yang dijumpai ditempat kejadian menyerupai karektoristik peluru yang dilepaskan daripada pistol perayu; perayu ada berjumpa si mati pada tarikh kejadian; perayu memiliki pistol pada tarikh dan masa kejadian, *swab* yang diambil dari muncung pistol perayu, *swab* dari tangan perayu dan dari pakaian perayu terdapat sisa serbuk senjata api. Kesemua keterangan ini bila disambungkan bersama menunjukkan perayu adalah satu-satunya orang yang membunuh si mati. Atas fakta dan keadaan kes ini, kami berpuas hati bahawa sabitan ke atas perayu adalah selamat. Dengan itu rayuan perayu ditolak.

Rayuan ditolak, sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan